

LULUSAN MADRASAH MASUK JURUSAN PERUBATAN NUS MELALUI POLITEKNIK

Minat dalam biologi dorong cita-cita jadi doktor



ENCIK AHMAD: Masuk bidang perubatan NUS hasil minat, kerja keras dan sentiasa memberikan yang terbaik. – Foto JOHARI RAHMAT

► **HAIRIANTO DIMAN**
mdhairi@sph.com.sg

BERMULA dengan pendidikan madrasah, kemudian ke politeknik dan kini menempah tempat melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Encik Ahmad Abdurrahman Hanifah Marican berupaya mendaki tangga pendidikan ini kerana minat, kerja keras dan sentiasa berusaha memberi yang terbaik.

Menurut beliau, minatnya terhadap tubuh manusia bertambah semasa mengikuti kelas Biologi di menengah tiga dan empat, dan ini mendorongnya melanjutkan pelajaran dalam bidang sains bioperubatan di Politeknik Singapura (SP).

Dengan tekad dan kerja keras untuk terus maju dalam bidang itu, beliau berjaya meraih keputusan cemerlang dengan Gred Pura-ta Mata (GPA) 3.94 dan kini mendapat tempat dalam kursus perubatan di Sekolah Perubatan Yong Loo Lin di NUS.

“Saya tidak sangka lulus temu bual dan ujian bagi permohonan mengikuti kursus perubatan itu.

“Semasa sesi temu bual, ramai pemohon datang daripada maktab rendah dan kelihatan penuh keyakinan. Saya rasa seperti tidak setanding dengan mereka.

“Namun, saya berikan yang terbaik dan tunjukkan bahawa saya juga aktif dalam aspek lain seperti kerja kemasyarakatan di samping pencapaian akademik,” kata Encik Ahmad, 20 tahun.

Walau tidak menanam cita-cita menjadi seorang doktor pada awalnya, beliau berpandukan prinsip ‘hidup untuk belajar’ dan ingin menimba ilmu sebanyak mungkin.

Perjalanan meraih keputusan cemerlang dan menempah tempat dalam jurusan perubatan di NUS itu tidak mudah.

Beliau melalui pendidikan di Madrasah Aljunied Al-Islamiah dari darjah satu hingga menengah empat.

Encik Ahmad mengaku mengalami sedikit kejutan budaya apabila memasuki pendidikan sekular di SP.

“Pada mulanya saya memang tidak biasa dengan suasana sekolah sekular dengan semua rakan sekolah bebas bergaul tetapi lama-kelamaan saya dapat menyesuaikan diri, mula rasa selesa dan lebih terdedah kepada masyarakat lain.

“Rakan dan pensyarah saya semuanya peramah dan memberi sokongan sepenuhnya. Mujur, saya biasa mengambil banyak mata pelajaran semasa di madrasah dan dapat mengimbangi masa antara akademik dengan kegiatan luar darjah di SP.

“Pendidikan di madrasah juga telah menyediakan saya dari segi menghafal dan memahami isi pelajaran dengan cepat,” ujar Encik Ahmad, anak kedua daripada empat beradik.

Walau ramai rakan madrasah melanjutkan pelajaran dalam pengajian Islam, pihak madrasah, rakan dan keluarganya banyak menyokong beliau meneruskan minat dalam bidang biologi.

Bapanya seorang peniaga dan ibunya seorang pendidik.

Encik Ahmad berkata beliau memutuskan memilih kursus perubatan semasa mengikuti program bekerja sambil belajar (internship) di Hospital Khoo Teck Puat (KTPH).

Dalam satu kes, beliau membantu menenangkan seorang pesakit leukemia yang dalam kesakitan semasa menjalani ujian pengambilan sampel tulang sumsum. Dengan memegang erat tangannya, pesakit itu mula tenang.

Daripada pengalaman itu, beliau mahu membantu mengurangkan penderitaan pesakit menerusi pengetahuan yang dipelajari.

“Saya suka lakukan kerja kemasyarakatan dan telah menyertai banyak kegiatan luar darjah yang berkaitan dengan kerja ini,” ujarnya.

Beliau pernah menyertai program ‘Berkawan Dengan Pesakit’ bersama Institut Kesihatan Mental (IMH) dan Hospital Tan Tock Seng (TTSH) dengan menghabiskan masa menemani pesakit dan pernah bantu menjalankan latihan pemeriksaan kesihatan bagi warga emas di kawasan Bishan bersama kumpulan National Healthcare Group (NHG).

Encik Ahmad juga aktif menganjurkan acara bersama kelab budaya Melayu di SP yang memberinya peluang mengongsi pengetahuan mengenai agama Islam bersama rakan-rakannya.

“Saya masih terkejut dengan berita saya dapat tempat dalam kursus perubatan di NUS. Banyak persediaan telah dilakukan sebagai sebahagian daripada proses permohonan kursus itu. Saya memang tidak sabar untuk mulakan pelajaran di sana,” katanya.

Nasihatnya kepada pelajar: tidak kira latar belakang pendidikan, asalkan ada niat dan ketekunan, peluang berjaya sentiasa terbuka.

Encik Ahmad bakal menjalani perkhidmatan negara (NS) dahulu dan kemudian menanggungnya buat sementara bagi memulakan kursus perubatannya pada Ogos tahun depan.